

PENGURUSAN PENDAKIAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA : MALIM GUNUNG PERHUTANAN

**Mohd Yussainy MY¹, Zuraida Z¹, Mohamad Rizal R¹, Mohammad Ifratshim MS¹,
Che Engku Nor Amiza CE¹, Mardiana Salihah M¹ and Mohd Zulhairi Z¹**

¹Forestry Department Peninsular Malaysia, W.P. Kuala Lumpur (MALAYSIA)

E-mail: yussainy@forestry.gov.my

Abstrak

Sehingga tahun 2020, terdapat 116 Taman Eko Rimba dan 16 Hutan Taman Negeri telah ditubuhkan dan lebih 240 lokasi *hotspot* pendakian gunung dan bukit dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Semenanjung Malaysia. Aliran rekreasi masa kini telah berubah daripada santai ke arah rekreasi lasak yang penuh dengan cabaran dan memerlukan jurupandu arah yang memiliki kemahiran tertentu. Ada tanggapan dimana terdapat personaliti yang unik di kalangan pendaki yang menarik mereka ke arah menjadikan malim gunung sebagai kerjaya. Inventori personaliti Malim Gunung Perhutanan telah dibangunkan dan diuji untuk mendapatkan maklumat personaliti tersebut. Pada tahun 2018 sehingga 2021, terdapat 852 kes kehilangan di hutan telah direkodkan. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) menyasarkan untuk melatih 1,000 orang Malim Gunung Perhutanan (MGP) dengan modul latihan yang komprehensif. Melalui pengukuhan kemahiran di kalangan masyarakat setempat yang berperanan sebagai malim gunung, keyakinan pendaki terhadap perkhidmatan yang ditawarkan akan meningkat. Individu yang ditauliahkan sebagai MGP juga akan berperanan sebagai *first responder* ketika menjalankan aktiviti dalam kawasan HSK serta duta kecil JPSM dalam pengurusan pendakian di Semenanjung Malaysia. Penguatkuasaan sepenuhnya perkhidmatan MGP ini akan bermula pada tahun 2023 dijangka dapat membantu JPSM menyelesaikan isu pengurusan pendakian selain daripada membantu komuniti setempat menjana pendapatan dalam ekopelancongan melalui perkhidmatan MGP.

Kata Kunci: Malim Gunung Perhutanan, Pengurusan Pendakian, Inventori Personaliti

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Hutan Simpanan Kekal (HSK) kaya dengan kepelbagaian biodiversiti serta memiliki landskap yang menarik dan unik meliputi bukit bukau, gunung ganang, air terjun, jeram, gua dan geologi yang begitu sesuai untuk aktiviti rekreasi. Sehingga tahun 2020, seluas 4.8 juta hektar telah diwartakan sebagai HSK di Semenanjung Malaysia (JPSM, 2020) dan sebanyak 132 buah Taman Eko Rimba (TER) dan Hutan Taman Negeri (HTN) telah ditubuhkan di dalam HSK oleh Jabatan Perhutanan Negeri. Aktiviti mendaki bukit dan gunung merupakan aktiviti yang biasa dilakukan di dalam HSK dan dilihat mampu memberikan faedah kepada semua lapisan masyarakat. Antara faedah yang diperolehi adalah dapat meningkatkan potensi diri dari segi kecerdasan, keyakinan diri, ketahanan mental dan kepuasan diri.

1.2 Peningkatan kepada aktiviti pendakian ini dapat dilihat melalui peningkatan bilangan pengunjung ke beberapa lokasi puncak bukit dan gunung yang popular di Negeri Pahang, Perak, Terengganu dan Kelantan. Aktiviti mendaki bukit dan gunung di dalam HSK ini juga menarik minat ramai kerana keadaan faktor geografinya yang mempunyai banjaran serta landskap yang menarik serta keadaan iklim khatulistiwa yang membolehkan para pendaki menjalankan aktiviti pendakian sepanjang tahun. Antara 12 senarai gunung tertinggi di Malaysia, 7 daripada adalah merupakan yang terdapat di Semenanjung Malaysia dan menjadi kegemaran pada pendaki pada masa kini.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

2.1 Pada masa kini, aktiviti mendaki gunung yang dahulunya hanya menjadi aktiviti riadah dan sekadar mengisi masa lapang semakin menjadi tumpuan dan telah berkembang menjadi suatu industri yang menjana pendapatan malah ada yang menjadikannya sebagai satu karier bagi penggiat aktiviti mendaki gunung. Peningkatan risiko kemalangan semasa menjalankan aktiviti menyebabkan sesuatu aktiviti itu kurang permintaan (Paul, 2012). Selain itu, kemalangan semasa menjalankan aktiviti mendaki memberikan impak yang negatif kepada masyarakat tentang kerelevanan aktiviti mendaki di Malaysia.

2.2 Berdasarkan kepada tugas dan tanggungjawab yang sangat besar terhadap Malim Gunung, maka adalah sangat diperlukan mengenal pasti kemahiran *soft skills* iaitu ciri-ciri personaliti yang sesuai. Berdasarkan Holland (1985), kerjaya Malim Gunung perlu melibatkan gabungan 3 jenis personaliti Holland iaitu S, R, dan I iaitu memiliki trait personaliti sosial, realistik dan investigatif. Dalam masa yang sama menurut Maxwell (2016), seorang Malim Gunung juga perlu memiliki enam (6) gaya kepimpinan tertentu iaitu; i. kecerdasan sosial (*social intelligence*); ii. Gaya kepimpinan yang fleksibel (*flexible leadership style*); iii. Memperkasa orang lain (*empowering others*); iv. Amanah/Kepercayaan (*trust*); v. Mengurus risiko dalam persekitaran yang tidak menentu (*managing risk in an environment of uncertain*); dan vi. Melihat gambaran besar (*seeing the big picture*).

2.3 Menurut Lama (2020), Malim Gunung juga perlukan kekuatan psikologi, mental dan fizikal yang tinggi iaitu daya tahan dan daya juang. Daya tahan (*resilience*) adalah penamparan (*buffer*) untuk melantunkan semula segala pengalaman negatif yang dialami individu, dan faktor pencegah dalaman yang dapat mengawal risiko psikologi sehingga individu dapat menyesuaikan dan mengendalikan diri dengan berkesan (Wignild & Young, 1993). Daya juang (*endurance*) pula adalah kemampuan untuk melakukan dirinya sendiri dan tetap aktif untuk jangka waktu yang lama, serta kemampuannya untuk menahan, menanggung, pulih dari, dan mempunyai kekebalan terhadap trauma, luka, atau keletihan (Hickson, 1980).

2.4 Inventori Personaliti Malim Gunung Perhutanan diperkenalkan kepada semua MGP bertujuan untuk mengukur personaliti Malim Gunung yang mencakupi sepuluh (10) konstruk utama iaitu Trait Personaliti Sosial, Trait Personaliti Realistik, Trait Personaliti Investigatif, Kecerdasan Sosial, Gaya Kepimpinan Fleksibel, Memperkasa Orang Lain, Amanah / Kepercayaan, Mengurus Risiko Tidak Menentu, Melihat Gambaran Besar / Menyeluruh, Daya Tahan dan Daya Juang.

2.5 Bagi tempoh empat (4) tahun bermula tahun 2018 sehingga 2021, terdapat 852 kes pendaki sesat atau hilang di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal dan daripada jumlah tersebut sebanyak 40 kes (4.7%) kecederaan dan 51 kes (6%) kematian telah direkodkan di seluruh Malaysia (JBPM, 2022). Jika berlakunya sesuatu kemalangan di dalam HSK, banyak agensi yang terlibat. Antaranya adalah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Polis Di Raja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam, dan Malim Gunung Perhutanan dimana ianya melibatkan kos logistik, elaun khas penyelamat dan bantuan peralatan (Davidson, 2004).

2.6 Pada masa ini, kemahiran Malim Gunung adalah berdasarkan pengalaman peminat rekreasi pendakian. Terdapat inisiatif yang dibuat oleh persatuan rekreasi dan persatuan malim gunung bagi meningkatkan kemahiran di kalangan ahli. Latihan secara formal daripada pihak penguasa adalah diperlukan bagi memudahkan kawalan ke atas aktiviti yang dibuat oleh MGP.

2.7 Peningkatan laporan kemalangan dalam aktiviti rekreasi memberikan imej yang negatif kepada pihak JPSM. Program pendidikan Komunikasi, Pendidikan, Penyertaan dan Kesedaran (CEPA) di kalangan penggiat aktiviti rekreasi perlu diperkenalkan bagi mengurangkan kemalangan daripada berlaku. Penganjur aktiviti pendakian menawarkan perkhidmatan berdasarkan kepada pengalaman penganjur sebelum ini. Terdapat juga pemandu pelancong alam semulajadi yang menawarkan pakej pendakian tetapi tidak mempunyai latihan penyelamatan khusus untuk aktiviti pendakian serta menyukarkan pasukan penyelamat sekiranya berlaku kes kecemasan.

3.0 METODOLOGI

3.1 Seksyen 47(1) Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984), telah menetapkan tiada seorang pun boleh memasuki mana-mana hutan tertutup kecuali seseorang yang memegang permit masuk hutan simpanan kekal tersebut. Berdasarkan peruntukan undang-undang ini, mana-mana individu yang ingin memasuki hutan simpanan kekal untuk tujuan pendakian perlu mendapatkan kebenaran iaitu Permit Memasuki Hutan Simpanan Kekal (Borang 6). Sistem e-Permit sedang ditambahbaik bagi memudahkan proses permohonan dan pengeluaran permit masuk khusus bagi aktiviti pendakian.

3.2 Malim Gunung Perhutanan diperkenalkan bagi membolehkan latihan formal dilaksanakan oleh autoriti yang bertanggungjawab di kawasan HSK kepada komuniti. Selain bertugas sebagai jurupandu arah, MGP ini juga akan bertindak sebagai *first responder* sekiranya berlaku sebarang kecemasan semasa aktiviti pendakian berlangsung.

3.3 Persidangan Pengarah-Pengarah Negeri semenanjung Malaysia Tahun 2020 kali ke-40 yang diadakan di Kota Bharu, Kelantan telah bersetuju untuk melaksanakan Kursus Malim Gunung Perhutanan dan Pendaftaran Malim Gunung Perhutanan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Malim Gunung Perhutanan (MGP) didefinisikan sebagai seorang jurupandu arah pendakian terdiri daripada penduduk tempatan yang telah hadir dengan jayanya Kursus Malim Gunung Perhutanan seterusnya didaftarkan sebagai MGP. Peserta yang hadir dan tamat Kursus Malim Gunung Perhutanan akan ditauliahkan dan diberikan nombor kod pendaftaran mengikut negeri. Antara peranan MGP adalah membantu JPN dalam pengurusan

dan pelaksanaan aktiviti pendakian di dalam HSK supaya lebih teratur dan mengutamakan aspek keselamatan para pendaki. MGP juga berperanan membantu jabatan mengurus pelawat dan menjadi *first responder* sekiranya berlaku kemalangan selain membantu menyalurkan maklumat kesalahan-kesalahan hutan.

3.4 Terdapat 15 Modul Kursus Asas MGP telah dirangka untuk melatih MGP supaya lebih kompeten menguasai ilmu asas perhutanan dan penyelamatan di dalam HSK. Modul yang dirangka menggabungkan bidang kepakaran daripada JPSM selaku agensi berautoriti dalam bidang perhutanan dan JBPM selaku autoriti dalam bidang penyelamatan. Tujuh (7) modul kursus perhutanan yang didedahkan kepada peserta merangkumi topik (i) inventori personaliti MGP, (ii) asas perundangan dan penguatkuasaan (iii) peranan MGP dan pemrograman, (iv) interpretasi dan komunikasi berkesan, (v) asas pembacaan peta dan navigasi darat, (vi) pengenalan flora dan ikhtiar hidup, dan (vii) pengenalan fauna. Manakala lapan (8) modul kursus penyelamatan yang dikongsikan kepada peserta merangkumi (i) peralatan *basic life support* (ii) pemulihan *cardiopulmonary* (CPR), (iii) pendarahan dan renjatan, (iv) kepatahan dan immobilisasi, (v) pengenalan tali, *software* dan *hardware*, (vi) pengenalan ikatan dan simpulan tali menyelamat, (vii) asas teknik menyelamat aras tinggi dan usungan, dan (viii) asas penyelamatan di arus deras.

3.5 Penceramah dan fasilitator yang telah dilantik terdiri daripada pegawai JPSM dan JBPM. Sebanyak 20 siri kursus telah dirancang dan terdapat 3 siri lanjutan yang akan dilaksanakan pada tahun 2022 bagi mengangkat MGP sebagai suatu kerjaya profesional di kalangan komuniti setempat. Seramai 1,000 orang MGP akan dilatih pada tahun 2022 bagi membolehkan JPSM mengawal selia aktiviti pendakian dalam kawasan HSK.

4.0 RUMUSAN

MGP yang dilaksanakan pada tahun 2022 akan terus ditambah baik selepas satu penilaian mengukur peningkatan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan diri selepas menghadiri kursus yang dianjurkan oleh JPSM. Pengajaran berdasarkan pengalaman serta modul kepimpinan rekreasi diterapkan dalam kursus MGP bagi melahirkan seorang MGP yang kompeten dan meningkatkan imej JPSM.

5.0 RUJUKAN

Anastasi, A.1982. Psychological testing. Ed. ke-5. New York: Mc Millan Publishing Co. Inc.

Davidson, G (2014). Fact or folklore? Exploring ‘myths’ about outdoor education accidents: some evidence from New Zealand Journal of Adventure Education & Outdoor Learning.

Gay, L.R. (1996). Educational research: Competencies for analysis and application. Ed. ke-5. New Jersey: Merrill.

Holland, J. L. (1985). Making vocational choices: A theory of vocational personalities and work environments. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. 2021. Laporan Statistik Kes Mangsa Sesat/Hilang di Hutan

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. 2020. Perangkaan Perhutanan Semenanjung Malaysia

Kerlinger, F.N. (1979). Foundations of behavioral research. Ed. ke-2. New York: Holt Rinehart & Winston.

Lama, Y. L. R. (2020), From a Mountain In Tibet: A Monk's Journey. New York: Penguin

Maxwell, C. I. (2016), Lead Like a Guide: How World-Class Mountain Guides Inspire Us to Be Better Leaders. Santa Barbara; Praeger.

Paul F. T. (2012), Recreational Boating Statistic. Washington. Washington Publisher.